Bahagian B

[10 markah]

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada zaman moden ini, teknologi banyak membantu manusia dalam kehidupan seharian. Murid-murid boleh menggunakan komputer untuk mencari maklumat dan menyiapkan tugasan sekolah. Selain itu, telefon pintar dapat digunakan untuk berhubung dengan ibu bapa dan rakan-rakan dengan cepat. Teknologi juga membantu kita mendapatkan ilmu pengetahuan. Murid-murid boleh menonton video pendidikan dan membaca bahan pembelajaran melalui internet. Di samping itu, mereka boleh menggunakan aplikasi pembelajaran untuk membuat latihan secara interaktif. Walau bagaimanapun, teknologi hendaklah digunakan dengan bijak. Murid-murid perlu mengehadkan masa menggunakan telefon pintar dan tidak melayari laman sesawang yang tidak sesuai. Mereka juga harus menjaga keselamatan diri dengan tidak berkongsi maklumat peribadi dengan orang yang tidak dikenali. Penggunaan teknologi secara betul dapat memberikan banyak manfaat kepada kita. Oleh itu, kita hendaklah menggunakan teknologi dengan bertanggungjawab supaya kehidupan menjadi lebih mudah dan selamat.

1) Murid-murid boleh menggunakan _____ untuk mencari maklumat dan menyiapkan tugasan sekolah. [1 markah]

2) Mengapakah murid-murid perlu menggunakan teknologi dengan bijak?

_____

_____. [2 markah]

3) *Bulatkan satu* **kata majmuk** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Murid-murid boleh menonton video pendidikan melalui internet.

[1 markah]

4) *Pilih dan tandakan* (V) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Murid-murid boleh menggunakan komputer untuk mencari maklumat dan menyiapkan tugasan sekolah.

Untuk mencari maklumat dan menyiapkan tugasan sekolah, murid-murid boleh menggunakan komputer.	
Untuk menggunakan komputer, murid-murid mencari maklumat dan menyiapkan tugasan sekolah.	

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS